



**INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA**  
**Malaysian Agricultural Research and Development Institute**  
Pusat Komunikasi Korporat  
Ibu Pejabat MARDI  
Persiaran MARDI-UPM  
43400 Serdang, Selangor Darul Ehsan  
MALAYSIA



Tel: 03-8953 7200  
Faks: 03-8953 7220  
Laman Web: [www.mardi.gov.my](http://www.mardi.gov.my)

---

## SIARAN MEDIA

### MISI MAFI PRIHATIN KE KUALA KANGSAR BANTU PENDUDUK TERJEJAS COVID-19

KUALA KANGSAR, 31 Julai 2021 - YB Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah, Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I (MAFI) hari ini telah menyampaikan sumbangan bakul makanan (foodbasket) MAFI Prihatin kepada masyarakat sekitar yang terjejas, yang diuruskan oleh Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) di Stesen MARDI Kuala Kangsar, Perak.

Sumbangan bakul makanan yang disampaikan ini merupakan amanah dan tanggungjawab MAFI serta MARDI selaras dengan Pelan Pemulihan Negara (PPN) bagi meringankan beban kepada mereka yang memerlukan demi kelangsungan hidup akibat dari penularan pandemik Covid-19 yang melanda seluruh dunia.

Dalam misi tersebut, seramai 180 orang penerima sekitar MARDI Kuala Kangsar telah menerima bantuan bakul makanan (foodbasket) yang mengandungi keperluan asas utama seperti beras, minyak, tepung, gula, garam, susu dan sebagainya dari YB Timbalan Menteri I (MAFI). Antara penerima bantuan termasuklah seramai 120 penduduk sekitar MARDI Kuala Kangsar, 30 orang barisan hadapan serta 30 kakitangan MARDI Perak yang terjejas.

Sesi penyampaian ini telah diadakan secara ringkas dan mengikut Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) sambil disaksikan oleh YBhg. Dato' Dr. Mohamad Zabawi Bin Abdul Ghani, Ketua Pengarah MARDI; YBrs. En. Daud Bin Endam, Pengarah MARDI Negeri Perak; Pegawai-Pegawai Kanan MAFI, kakitangan MARDI Kuala Kangsar yang terlibat serta semua yang turut menjayakan sesi tersebut.

---

**Disediakan oleh:**

**Program Perhubungan Awam**

**Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI)**

**Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI)**

**30 JULAI 2021**

## **Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI)**

---

Akta MARDI 1969 telah membawa kepada penubuhan MARDI pada 28 Oktober 1969. Sepanjang hampir 50 tahun penubuhannya, projek penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang dirancang dan dilaksanakan oleh MARDI telah menjana pelbagai penemuan teknologi yang memberi manfaat kepada sektor pertanian negara. Produk R&D MARDI telah terbukti mampu merealisasikan agenda utama negara dalam mentransformasikan sektor pertanian ke arah ekonomi lebih maju pada kini dan masa hadapan.

**Untuk maklumat lanjut, sila hubungi;**

---

**Jafni Johari Jiken**

Timbalan Pengarah

Program Perhubungan Awam (CC1)

MARDI

+6016-980 5587 | [jafni@mardi.gov.my](mailto:jafni@mardi.gov.my)

**Hazrul Amry Mohd Noor**

Pegawai Tadbir

Program Perhubungan Awam (CC1)

MARDI

+6012-484 0672 | [amry@mardi.gov.my](mailto:amry@mardi.gov.my)